

Tak pilih kasih

■ **UPM terus beri peluang pelajar luar termasuk dari Afrika lanjut pelajaran**

Oleh Elrafaei Sapi

ahmadelrafaei

@mediaprima.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus memberi peluang kepada pelajar luar negara melanjutkan pengajian di sini menerusi pelbagai program pengajian yang ditawarkan.

Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, peluang diberikan adalah sama seperti pelajar lain yang mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).



DR Mohd Fauzi

“UPM tidak mengamalkan ‘double standard’ terhadap pelajar luar negara termasuk dari Afrika. Semua pelajar adalah pelajar kami,” katanya pada Majlis Sesi Bersama Duta dan Pesaruhjaya Tinggi dari negara Afrika ke Malaysia, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, Penasihat & Fasilitator Kedutaan Afrika di Malaysia, Da-

tuk Suhaidi Sulaiman dan Duta Namibia mewakili duta-duta Afrika, Gebhard Benjamin Kandanga.

Dr Mohd Fauzi berkata, UPM bersedia membantu dan terbuka dalam menjalinkan kerjasama dengan kedutaan luar negara dalam usaha menempatkan pelajar luar.

“Bilangan pelajar dari benua Afrika di UPM akan ditingkatkan melalui program pengajian sepenuh masa, pertukaran pelajar dan kerjasama dalam bidang pendidikan.

“UPM percaya kemasukan lebih ramai pelajar Afrika ke Malaysia sejajar dengan sasaran Kementerian Pengajian Tinggi iaitu memperoleh 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020 berbanding jumlah kini, 90,000 pelajar,” katanya.

Dr Aini pula berkata, penyertaan pelajar luar negara ke sini untuk menyambung pengajian dialu-alukan.

“Ada dalam kalangan pelajar ini mempunyai kualiti terbaik,” katanya.